

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 23 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 11**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1131-L708  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan lagi kualiti Sistem Pengangkutan Awam di negara ini bagi memberi lebih keselesaan kepada para pengguna.
2. PN-1131-L791  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah program Gerakan Desa Wawasan yang telah diperkenalkan di beberapa buah kampung terpilih di seluruh negeri beberapa tahun dahulu yang membabitkan perbelanjaan besar, sama ada masih diteruskan atau pun tidak dan sejauh manakah program tersebut berjaya dalam usaha meningkatkan kualiti hidup penduduk di luar bandar.
3. PN-1131-L253  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan -
  - (a) apakah pelan tindakan Kementerian untuk memantapkan dan menyokong konsep SOHO (bekerja dari rumah); dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan databank agar dapat mengumpul dan mendaftarkan mereka yang berkecimpung dalam SOHO ini dan apakah kemudahan dan sokongan yang telah diberikan oleh Kementerian terhadap SOHO.

4. PN-1131-L759  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bahawa sehingga hari ini berapakah jumlah pusat penjaja moden yang telah dirancang ataupun dibina oleh Kerajaan di Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyelesaikan masalah penjaja-penjaja daripada berniaga di tepi jalan di sekitar Kuala Lumpur.
5. PN-1131-L527  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah kos perbelanjaan bagi membiayai perlumbaan Formula One (F1) pada tahun 2005 dan 2006 baru-baru ini dan berapakah pula hasil yang diperolehi dari penjualan tiket tersebut.
6. PN-1131-L495  
**Tuan Hii Tiong Kuoh** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu petani-petani yang mengusahakan tanaman herba yang berbentuk ubat-ubatan sama ada dari segi teknologi mahupun kewangan agar usaha mereka ini dapat dikomersialkan.
7. PN-1131-L575  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan adakah Kementerian dapat memainkan peranan dalam memantau program-program yang disiarkan di kaca-kaca televisyen agar lari dari tema-tema cinta, dendam, fitnah dan unsur negatif lain yang tidak sihat untuk rakyat.
8. PN-1131-L601  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan dasar Kementerian di mana kesemua sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan mengadakan kelas pra-sekolah.
9. PN-1131-L432  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan Kementerian untuk memastikan pengilang-pengilang makanan meletakkan butiran kandungan makanan dan tarikh kegunaan hasil makanan mereka dengan tepat dan bernas di label-label bungkusan hasil keluaran mereka terutamanya bahan-bahan toksik seperti trans-fat.
10. PN-1131-L655  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perbezaan kadar harga bagi pembelian minyak oleh MAS melalui kontraknya berbanding dengan harga minyak di pasaran terbuka.

11. PN-1131-L337  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang sedang dan akan diambil untuk menghayati Rukun Negara di IPT tempatan.
12. PN-1131-L661  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peluang-peluang, program khas dan keistimewaan yang diberikan kepada bekas-bekas anggota tentera bagi menceburkan diri di bidang keusahawanan termasuk pemberian permit teksi, kemudahan pinjaman dan bimbingan perniagaan.
13. PN-1131-L550  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pendaratan gas di Songkhla. Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan dan berapakah pula jumlah hasil yang diperolehi setakat ini. Bilakah saluran paip akan tiba dan operasi dapat dimulakan di Changloon, Kedah.
14. PN-1131-L731  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian yakin dengan peruntukan RM11.4 bilion untuk sektor pertanian benar-benar dapat melonjak sektor tersebut agar memainkan peranan sebagai jentera penggerak pertumbuhan KDNK dengan pertumbuhan 5% setahun dalam jangka masa lima tahun di bawah RMK-9.
15. PN-1131-L216  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bahawa Kerajaan telah menggalakkan peniaga persendirian untuk membuka akaun EPF, adakah Kerajaan bercadang menetapkan peraturan agar suami-suami mencarum EPF untuk isteri-isteri.
16. PN-1131-L625  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh isteri dan keluarga di mana suaminya menukar agama ke agama Islam dan apakah Undang-undang sivil atau undang-undang Islam yang akan digunakan ke atas harta mereka, faedah saraan hak penjagaan anak-anak, EPF dan agama anak-anak mereka.
17. PN-1131-L449  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status berkenaan dengan reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, apakah input Malaysia dan negara manakah yang menunjukkan sokongan mereka terhadap pandangan yang dikemukakan oleh Malaysia.

18. PN-1131-L403  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan pembinaan kompleks Sekolah Wawasan berjaya menerapkan elemen-elemen perpaduan di kalangan pelajar. Adakah Kementerian menjalankan kajian untuk menaksir keberkesanan program berkenaan dan sekiranya ada, nyatakan pendapat penting kajian tersebut.
19. PN-1131-L376  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis bantuan dan peruntukan yang disalurkan kepada kaum wanita khususnya Orang Asli. Apakah strategi yang telah disusun bagi meningkatkan kualiti hidup kaum berkenaan RMK-9.
20. PN-1131-L319  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah lagi Pejabat Pelajaran Daerah yang masih bergabung seperti Pejabat Pelajaran Daerah Jempul dan Kuala Pilah di Negeri Sembilan.
21. PN-1131-L412  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tentang pemilihan peserta bagi Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) supaya hanya golongan yang layak sahaja menerima.
22. PN-1131-L738  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan siapakah yang akan membayar Penamatan Perkhidmatan Sukarela (VSS) untuk kakitangan MAS. Adakah Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia ataupun Kerajaan.
23. PN-1131-L247  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah ASTRO sering menyangkan beratus-ratus kali rancangan yang telah pun 2, 3 tahun berlalu. Adakah mereka kehabisan modal atau tidak mampu memenuhi cita rasa pelanggan yang sentiasa mengharapkan tayangan keluaran terkini. Mengapakah Kementerian tidak membuka lebih banyak stesen TV swasta yang dapat bersaing dengan ASTRO untuk menyiarkan rancangan-rancangan yang memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan.
24. PN-1131-L186  
**Tuan Tan Bon You** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada benar atau tidak mata pelajaran kenegaraan yang diajar dalam Latihan Biro Tata Negara telah menidakkan pengorbanan kaum-kaum bukan bumiputera dalam pencapaian kemerdekaan negara. Jika ya, sama ada YAB. Perdana Menteri bersedia mengarahkan supaya isi mata pelajaran itu diubah untuk menonjolkan sejarah yang sebenarnya.

25. PN-1131-L135  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) punca kegagalan Jabatan Kebajikan Malaysia di dalam menyalurkan bantuan kepada golongan miskin seperti yang dilaporkan oleh pihak media; dan
  - (b) apakah tindakan pro-aktif yang akan diambil Kementerian berhubung tahap kemiskinan yang dikategorikan sebagai kes orang papa di bandar-bandar besar khususnya di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan yang mencatatkan peratusan yang tertinggi.
26. PN-1131-L144  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah alasan Kementerian membenarkan Media Prima Bhd memonopoli sistem penyiaran (tanpa berbayar) negara sekali gus membolot kuasa pengiklanan dan pengguna.
27. PN-1131-L562  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa TNB membaca meter 2 bulan sekali menyebabkan pembacaan elektrik yang tinggi dan oleh kerana tarif yang bertingkat, ini akan menyebabkan bil yang lebih tinggi kepada pengguna. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan satu flat tarif untuk pengguna biasa yang tidak akan menjejaskan bil sekiranya pembacaan meter dibuat jarang-jarang sekali atau sekerap yang mungkin.
28. PN-1131-L300  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap kenderaan awam yang bercermin gelap terutamanya kenderaan import yang masih banyak lagi terdapat di jalan-jalan raya seluruh negara.
29. PN-1131-L448  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah penilaian keberkesanan kos dan keberkesanan impak untuk peruntukan yang dibelanjakan dalam RMK-9 akan dilaksanakan dan apakah jenis mekanisme dan kaedah serta pemantauan yang akan diguna pakai.

30. PN-1131-L273  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kesan buruk yang akan dihadapi oleh lebih kurang sejuta petani dan pekebun kecil di negara ini menjelang pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas di bawah WTO dan AFTA pada tahun 2010. Apakah langkah proaktif Kerajaan untuk membela nasib golongan tersebut.
31. PN-1131-L480  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah yang disertakan dengan nama sekolah, daerah sekolah dan nama kontraktor yang membina sekolah-sekolah yang telah siap dan telah beroperasi namun gagal atau belum mempunyai Sijil Menduduki (CF).
32. PN-1131-L536  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah apa-apa usaha yang dibuat untuk mendedahkan siswazah tempatan kepada pasaran kerja luar negara dan seterusnya menggalakkan mereka mencari pekerjaan di luar negara bagi mengurangkan masalah pengangguran di kalangan siswazah.
33. PN-1131-L689  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak JKR bercadang untuk menubuhkan cawangan pejabat di Sabah dan Sarawak dan bilakah cadangan penubuhan tersebut dapat dilaksanakan.
34. PN-1131-L511  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memantapkan kebajikan para anggota PDRM serta pesara-pesara PDRM. Apakah Kerajaan akan menubuhkan satu Lembaga Tabung untuk PDRM sebagaimana Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).
35. PN-1131-L660  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan berusaha untuk menghindari dan membendung orang-orang Islam daripada murtad dan apakah kemajuannya setakat ini.
36. PN-1131-L801  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berikutan dengan permintaan getah asli yang semakin meningkat yang mengakibatkan harga komoditi terus meningkat, adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk meningkatkan skim-skim penanaman getah di seluruh negara, terutama bagi membangunkan tanah-tanah terbiar.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

### 1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

Mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 70 (1), Y.A.B. Perdana Menteri mohon mengemukakan Usul seperti berikut :-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (1), Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Ketiga Parlimen Kesebelas”.

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Bin Pawanteh  
[ Pengerusi ]
2. Y.B. Dato' Ir. Wong Foon Meng
3. Y.B. Dato' Hamzah bin Zainudin
4. Y.B. Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam
5. Y.B. Dato' Sri Empiang Jabu

### 2. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 22 Mei, 2006 ]**

- |     |                |  |                                   |
|-----|----------------|--|-----------------------------------|
| 3.  | (D.R. 7/2006)  | Rang Undang-undang Perbekalan<br>Tambahan (2005) 2006                  | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| 4.  | (D.R. 5/2006)  | Rang Undang-undang Industri<br>Perkhidmatan Air 2006                   | “                                 |
| 5.  | (D.R. 4/2006)  | Rang Undang-undang Suruhanjaya<br>Perkhidmatan Air Negara 2006         | “                                 |
| 6.  | (D.R. 8/2006)  | Rang Undang-undang Paten (Pindaan)<br>2006 ;                           | “                                 |
| 7.  | (D.R. 9/2006)  | Rang Undang-undang Pengangkutan<br>Jalan (Pindaan) 2006;               | “                                 |
| 8.  | (D.R. 3/2006)  | Rang Undang-undang Akademi Seni<br>Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006; | “                                 |
| 9.  | (D.R. 6/2006)  | Rang Undang-undang Pembangunan<br>Kemahiran Kebangsaan 2006;           | “                                 |
| 10. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan<br>(Pindaan) 2005; dan                      | “                                 |
| 11. | (D.R. 2/2006)  | Rang Undang-undang Lembaga<br>Promosi Kesihatan Malaysia 2006.         | “                                 |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Letrik Sabah Bagi Tahun 2003	23 Mei 2006
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Mei 2006
ST.25	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Mei 2006
ST.103	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tembakau Negara Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Mei 2006
ST.104	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	23 Mei 2006